



KENEGARAAN MALAYSIA

SEJARAH, KEDAULATAN
DAN KEBANGSAAN



5409595
MAF

WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN



Lib
RM 30.00

KENEGARAAN MALAYSIA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



KENEGARAAN MALAYSIA

**SEJARAH, KEDAULATAN
DAN KEBANGSAAN**

WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN

PUSTAKA PERDANA



1013489



Penerbit Universiti Malaysia Perlis
Kangar- 2023

Cetakan Pertama 2020
Cetakan Kedua 2023

© WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN, 2020, 2023.

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan--dalam--Penerbitan

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
KENEGARAAN MALAYSIA : Sejarah, Kedaulatan & Kebangsaan/
WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN
ISBN 978-967-0922-87-4
1. Nationalism--Malaysia.
2. Malaysia--History.
3. Constitutional law--Malaysia.
4. Malaysia--Politics and government
5. Government publications--Malaysia
I. Judul
320.5409

DITERBITKAN OLEH:
Penerbit UniMAP / UniMAP Press,
Universiti Malaysia Perlis,
No. 11 & 13, Jalan Tiga,
Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya,
01000 Kangar, Perlis, Malaysia.
Email: penerbitan@unimap.edu.my

AHLI MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)

REKA GRAFIK dan ATUR HURUF:
Penerbit UniMAP
Universiti Malaysia Perlis

DICETAK OLEH:
Sinaran Bros Sdn.Bhd
5-3-18, The Promenade,
11950 Bayan Baru,
Pulau Pinang.

Muka Taip: Adonis
Saiz Huruf: 11/30 pt

KANDUNGAN

Dedikasi	vii
Prakata	ix
Sekapur Sireh	xiii
Senarai Kes	xv
Senarai Perlembagaan dan Statut	xvii
Pengenalan	xix
1 ●———— Kedaulatan dan Adat Melayu	1
2 ●———— Sejarah Perlembagaan Persekutuan	25
3 ●———— Sejarah Ringkas Kerajaan Negeri	39
4 ●———— Legitimasi Kedaulatan Watan	49
5 ●———— Islam Agama Bagi Persekutuan	67
6 ●———— Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia	95
7 ●———— Bangsa Malaysia	119
Rujukan	143
Indeks	163



Dedikasi buat,

Ayahanda

*Allahyarham Ustaz Haji Wan Husain bin Haji Wan Embong
dan bonda tersayang*

Hajjah Wan Munah binti Haji Wan Embong Mohd

*Terima kasih tidak terhingga kerana mendidik anakandamu ini
dengan penuh kesabaran dan belaian kasih sayang.*

Tidak dilupakan isteri

*YM Datin Sharifah Zarinatasha bt. Syed Azni Jamalullail
dan anakanda-anakanda yang dikasihi, iaitu*

Wan Nur Fareeha,

Wan Muhammad Zamakhsyari,

Wan Nur Athiera, Wan Muhammad Rayyan,

Wan Muhammad Nayell Rifqi dan

Wan Nur Nisreena Aulia

*yang menjadi inspirasi untuk pengarang terus meningkatkan
pencapaian agar dapat meninggalkan suatu legasi buat panduan
mereka juga generasi akan datang.*



PRAKATA

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, segala pujian bagi Tuhan Maha Agung yang memiliki segala dan setiap kekuasaan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, pemimpin agung ummah akhir zaman. Pengarang memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana edisi semakan buku berjudul 'KENEGARAAN MALAYSIA: Sejarah, Kedaulatan & Kebangsaan' dapat diterbitkan. Buku ini bertujuan untuk memperkenalkan para pembaca kepada kenegaraan Malaysia dari sudut sejarah, kedaulatan dan kebangsaan menurut kerangka watan. Kenegaraan adalah keterangan tentang kedaulatan dan kebangsaan sesebuah negara merangkumi aspek-aspek kewilayahan, kerakyatan, sistem politik dan sistem undang-undangnya berlatarkan sejarah dan undang-undang tertinggi. Kerangka watan adalah bingkai pemikiran berasaskan pada kearifan lokal yang membina sistem politik dan sistem undang-undang berakar umbi pada sejarah dan latar belakang sebenar tanah air.

Pada hari ini sudah terdapat limpahan penulisan tentang kenegaraan Malaysia. Namun begitu, kebanyakan penulisan umumnya mengupas peruntukan Perlembagaan Persekutuan berpandukan pada Laporan Suruhanjaya Reid untuk membahaskan isu-isu semasa yang berkaitan. Bahkan, menjadi satu kelaziman dalam kalangan pengamal undang-undang untuk mentakrif mahupun memutuskan isu-isu di hadapan mereka berdasarkan prinsip *common law* dan kaedah ekuiti dari England secara berleluasa apabila tiada peruntukan undang-undang bertulis. Walhal, Akta Undang-Undang Sivill 1956 (disemak 1972) mensyaratkan pemakaian prinsip *common law* dan kaedah ekuiti melalui sekatan-sekatan tertentu termasuklah dengan mengambil kira keadaan-keadaan tempatan, iaitu undang-undang watan, pegangan agama Islam, adat resam dan budaya penduduk di Malaysia serta ubah suaian yang perlu.

Pada sisi lain, banyak pihak didapati mengabaikan prinsip kedaulatan negara yang berteraskan adat Melayu. Adat Melayu menjunjung ajaran Islam sebagai ciri-ciri kedaulatan watan. Kedudukan itu terpelihara dalam Perkara 181(1), Perkara 3 dan Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan selaras dengan Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946.

Pemakaian prinsip *common law* dan kaedah ekuiti secara berleluasa pernah ditegur oleh Tun Mohd Euyoff Chin, Ketua Hakim Negara (pada ketika itu) melalui surat pekeliling beliau bertarikh 25 Mei, 1999 yang dipetik seperti berikut:

Oleh itu, janganlah kita terburu-buru untuk menerima pakai tanpa mengkaji dengan mendalam keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah-Mahkamah di England selepas tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Seksyen 3, Akta Undang-Undang Sivil 1956 itu.

Pada hakikatnya, sikap terburu-buru dalam penaakulan prinsip *common law* dan kaedah ekuiti dari England sudah berlaku semenjak sebelum Hari Merdeka lagi. Kedatangan British yang diikuti dengan kemasukan pelabur-pelabur, kumpulan-kumpulan peniaga dan profesional juga kumpulan buruh asing mengubah landskap sosio-ekonomi di Tanah Melayu. Masalah demi masalah yang timbul akibat daripada aktiviti ekonomi British membuka ruang kepada mereka untuk mencampuri hal ehwal pentadbiran dalam Negeri-negeri Melayu. Apabila bermula dasar campur tangan British melalui doktrin nasihat di Tanah Melayu, sistem keadilan tempatan yang sekian lama dikendalikan oleh para pembesar Melayu mula didominasi oleh hakim-hakim terlatih di England. Pada peringkat awal, penasihat British hanya terlibat sama dalam pengadilan kes-kes melibatkan rakyat British. Raja-Raja Melayu mengekalkan sistem keadilan undang-undang peribadi orang Islam dan adat Melayu dalam kalangan hakim beragama Islam. Sistem keadilan itu pada hari ini dikenali sebagai mahkamah syariah, mahkamah bagi orang Islam sahaja. Lama-kelamaan, hakim terlatih dengan perundangan British dibenarkan mengendali kes-kes yang melibatkan juga orang Melayu selain daripada undang-undang peribadi mereka.

Pemakaian prinsip *common law* dan kaedah ekuiti berkembang melalui pengenalan sistem adversarial (*adversarial system*) dan doktrin duluan kehakiman (*judicial precedent*) dalam amalan mahkamah. Kekurangan pakar perundangan Islam terlatih dengan '*adversarial system*' dalam kalangan orang Melayu, mengakibatkan perkembangan prinsip perundangan Islam terjejas meskipun prinsip tersebut mempunyai kedudukan lebih tinggi daripada prinsip *common law* dan kaedah ekuiti.

Seperti diakui oleh mahkamah dan keadaan lokal sedia ada, Islam adalah undang-undang watan bagi Tanah Melayu. Sebaliknya, buku ini bukan sahaja membahaskan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bahkan menonjolkan fakta-fakta dan prinsip-prinsip undang-undang sedia ada di Tanah Melayu berdasarkan jurisprudens.

Hal ini kerana Tanah Melayu sudah mempunyai sistem politik dan sistem undang-undang kontemporari yang mantap sebelum kedatangan British. Buku ini mengandungi tajuk-tajuk penting yang dirasakan mampu untuk meningkatkan kefahaman para pembaca termasuklah para pelajar di universiti awam dan swasta berkaitan kenegaraan Malaysia. Tajuk-tajuknya terdiri daripada Kedaulatan dan Adat Melayu, Sejarah Perlembagaan Persekutuan, Sejarah Ringkas Kerajaan Negeri, Legitimasi Kedaulatan Watan, Islam Agama Bagi Persekutuan, Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dan satu tajuk yang sering diperdebatkan iaitu Bangsa Malaysia. Secara umumnya, perbahasan dalam buku ini merangkumi aspek politik dan sosio-budaya sebelum dan selepas Hari Malaysia. Kefahaman daripada perbahasan isu-isu di atas mampu menjelaskan teras dan prinsip kenegaraan begitu juga jati diri bangsa Malaysia kepada warganegara dan masyarakat antarabangsa.

Kupasan mengenai kenegaraan Malaysia dalam buku ini Insya-Allah dapat membantu menjawab pelbagai persoalan kontemporari. Setiap persoalan dalam buku ini dihuraikan berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, dokumen undang-undang terdiri daripada perlembagaan-perlembagaan bertulis lama, perjanjian-perjanjian, catatan-catatan sejarah dan pelbagai sumber berwibawa. Pengarang berusaha menonjolkan kembali kedaulatan watan dan prinsip kedaulatan Negara sebagai premis untuk mentafsirkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, adalah menjadi hasrat pengarang untuk membina semangat kesejahteraan rakyat Malaysia yang berbilang-bilang agama, kaum, keturunan dan taraf hidup berteraskan watan tanah air kita.

Pada kesempatan ini, pengarang ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin yang sudi menyumbangkan sepatah dua kata dalam Sekapur Sirih. Ucapan terima kasih kepada penerbit dan buat semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Amatlah diharapkan buku berjudul *KENEGARAAN MALAYSIA: Sejarah, Kedaulatan & Kebangsaan* dapat meningkatkan faham perlembagaan dan memupuk perasaan cinta kepada watan tanah air.

DATUK DR. WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN
PHD., M.Phil., LLB(Hons), PJN., DPNS., SMT.

SEKAPUR SIRIH

Profesor Ulung Negara

Kenegaraan, konsep dan sejarahnya, dalam konteks Malaysia mesti disusur galur asal mulanya daripada sejarah watan termasuklah perjuangan nasionalisme Melayu semenjak akhir abad ke-19 yang hanya terbentuk jelas selepas Perang Dunia Kedua tamat pada tahun 1945. Ada tiga aliran dalam perjuangan nasionalisme Melayu, setiapnya menganjurkan 'bangsa idaman' (*nation-of-intent*) masing-masing. Aliran pertama, berhaluan kiri, bercita-cita mewujudkan 'Melayu Raya' sebagai bangsa idaman. Aliran kedua, berorientasikan Islam dan Kelslaman, berjuang untuk menegakkan 'Negara Bangsa Islam' sebagai bangsa idaman. Aliran ketiga dipimpin oleh aristokrat Melayu konservatif berpendidikan Barat yang menganjurkan suatu gagasan bangsa idaman bersifat agak inklusif, iaitu '*a Malay-led plural society nation*' atau sebuah bangsa idaman mengandungi komuniti pelbagai kaum di bawah pimpinan Melayu dalam sistem beraja. Negara idaman aliran yang ketiga ini sering disalah tafsir oleh sarjana dan pemikir Melayu sendiri, apatah lagi oleh mereka yang bukan Melayu, sebagai 'ketuanan Melayu', yang diterjemah dalam bahasa Inggeris sebagai *Malay dominance* atau *Malay supremacy*. Menjadi 'tuan' (*dominance* atau *supremacy*) ada elemen paksaan dan protokolisme sempit. Menjadi 'pemimpin' ada elemen kedaulatan undang-undang, keterbukaan pemilihan, perundingan dan pengantaraan. Justeru, menjadi 'tuan' dan menjadi 'pemimpin' adalah dua fenomena yang berbeza. Kekeliruan konseptual ini masih berlarutan sehingga sekarang.

Maka, lebih tepat bangsa idaman yang dianjurkan oleh aristokrat Melayu itu ialah 'sebuah bangsa yang inklusif mengandungi pelbagai komuniti di bawah pimpinan Melayu dalam sistem beraja'. Ini bermakna bahawa kedudukan komuniti kaum lain, selain daripada komuniti Melayu, adalah terjamin dalam ruang sosial masing-masing, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Jangan dilupakan bahawa bangsa idaman pimpinan aristokrat Melayu, yang dipuncaknya adalah Raja dan bangsawan Melayu wujud dalam sebuah wilayah bernama Tanah Melayu, mendahului Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 21 Januari 1948. Buat kali pertamanya dalam sejarah kesemua negeri Melayu dan bekas Negeri-negeri Selat berpayung di bawah satu bumbung iaitu,



Persekutuan Tanah Melayu. Anehnya, hanya Keretapi Tanah Melayu sahaja menggunakan ungkapan Tanah Melayu dalam namanya, yang selainnya menggunakan Malaya. Mengapa tidak *Federation of Tanah Melayu* bukan *Federation of Malaya*? Sekarang *Federation of Tanah Melayu* atau *Federation of Malaysia* telah diganti lagi dengan label ‘Semenanjung Malaysia’. ‘Tanah Melayu’ dan ‘Melayu’ sebagai yang memimpin tersisih daripada fikiran umum.

Maka, ungkapan sebenar bangsa idaman aristokrat Melayu ‘*A Malay-led plural society*’ terbenam dan tenggelam dalam sejarah dan terus dilupakan. Malah, ianya dimomok-momokkan dan diganti dengan kata-kata *Malay dominance* dan *Malay supremacy*. Kedua-dua ungkapan tersebut telah menjadikan bangsa idaman ‘*Malay-led plural society*’ sebagai suatu yang daif dan rasis bunyinya.

Alhamdulillah, dengan terbitnya buku *KENEGARAAN MALAYSIA; Sejarah, Kedaulatan & Kebangsaan* karya Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, yang padat dan *evidence-based*, pencerahan terhadap gagasan bangsa idaman ‘*Malay-led plural society*’ serta teras jati diri Melayu dan Kemelayuannya dalam bangsa idaman itu lebih jelas. Buku ini perlu diteliti dan dihayati oleh sesiapa yang mahu memahami pengertian sebenar nasionalisme aliran aristokrat Melayu yang didukung sehingga hari ini biarpun berlaku perubahan pucuk pimpinan dan pemerintahan.

Selamat membaca,



PROFESOR ULUNG DATUK DR SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN
Pengarah Pengasas, Institut Kajian Etnik (KITA)

SENARAI KES

- Che Omar bin Che Soh lawan Pendakwaraya* [1988] 2 MLJ 55
Chulas lawan Kolson binte Seydo Malim [1867] Leic. 462
Dato' Seri Anwar Ibrahim lawan Pendakwaraya [2000] 2 CLJ 570
Dr. Bonham's Case, 8 Co. Rep. 114 (Court of Common Pleas [1610])
Duff Development Ltd. v. Government of Kelantan & Anor [1924] AC 797
Govindrao v. State of M.P., AIR [1982] SC 1201
Harris v. Minister of the Interior [1952] (2) SA 428(A)
Jackson v. Attorney General [2005] UKHL 56 [9] Lord Bingham
Jackson v. Attorney General [2005] UKHL 56 [81] per Lord Steyn
Karpal Singh lawan Sultan of Selangor [1988] 2 MLJ 64
Leonard lawan Nachiappa Chetty [1923] 4 FMSLR 267–69
Lim Chee Cheng & Anors v. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam [1999] 1MLJ 213, CA
Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors. [2007] 3CLJ 563
Madhavan Nair lawan Kerajaan Malaysia [1975] 2 MLJ 286
Madzimbamuto v. Lardner-Burke [1969] 1 A.C. 645, 723 (Lord Reid)
Meor Atiqurrahman Ishak & Ors lawan Fatimah Sihi & Ors. [2006] 4MLJ 605
Mighell v. the Sultan Johor 1894 QB149. (Gbr.)
Mohamed Habibullah bin Mahmood lawan Faridah bte Dato' Talib [1992] 2MLJ 793
Motor emporium v. Arumugam [1933] MLJ 276
Raja Petra bin Raja Kamaruddin v. Menteri Hal ehwal Dalam Negeri [2009] 2AMR 131
Ramah lawan Laton [1927] 6FMSLR 128
Re the will of Yap Kim Seng [1924] 4FMSLR
Sultan of Johore v. Tungku Abu bakar & Ors. [1952] MLJ 115 PC
The City Council of George Town & Anor v. Kajing Tubek & Ors and Other appeals [1997] 3MLJ 23, CA
The Pahang Consolidated Co. Ltd. v. The State of Pahang [1933] MLJ 247
William Marbury v. James Madison, Secretary of State of the United States 105 [1803]. 5 U.S. 137



SENARAI PERLEMBAGAAN DAN STATUT

Civil Law Enactment No. 3 of 1937
Civil Law (extension) Ordinance No. 49/1951
Civil Law Act 1956 (Revised 1972)
English Bill of Rights 1689
English Coronation Oath Act 1688
European Communities Act 1972
Enakmen Undang-undang Sivil 1937
Hukum Kanun Melaka
Hukum Kanun Pahang
Human Rights Act 1998
Itqan Al-Muluk Bitadil As-Suluk 1911
Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
Perlembagaan Persekutuan
Perlembagaan Amerika Syarikat
Perlembagaan China
Perlembagaan Arab Saudi
The Laws of The Constitution of Kedah
The Laws of The Constitution, Negeri Sembilan
The Laws of The Constitution of Perlis
Undang-Undang 99 Perak
Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu
Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor



PENGENALAN

Sebuah Negara akan lebih terserlah identitinya jika dilihat melalui aspek kenegaraan dan ketatanegaraannya. Kenegaraan Malaysia seperti juga negara-negara lain pastinya mempunyai ciri-ciri tersendiri. Kenegaraan juga mencerminkan jati diri sebuah bangsa. Istilah bangsa pada hari ini tidak boleh lagi difahami secara sempit dan cetek kerana sebuah negara berdaulat, perlembagaannya sudah menentukan prinsip-prinsip yang perlu didukung oleh setiap warganegaraanya. Dalam konteks ini, kewarganegaraan mewakili satu bangsa.

Sebagai sebuah Persekutuan yang mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan Persekutuan; anggota pentadbiran Kerajaan, ahli Parlimen pilihan rakyat dan pentadbir keadilan mempunyai batasan dan ciri kuasa tertentu untuk bertindak. Hal ini kerana Perlembagaan Persekutuan digubal sedemikian rupa untuk mengekalkan elemen-elemen tradisi warisan Kerajaan Negeri-Negeri Melayu berdaulat di Tanah Melayu sebelum penyertaan Sabah dan Sarawak lagi. Ciri-ciri kedaulatan Negeri-negeri Melayu lebih jelas sekiranya dibaca bersama-sama dengan dokumen-dokumen perundangan sebelum 1 Februari 1948. Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 menyatakan bahawa kedaulatan di setiap Negeri Melayu hendaklah kekal seperti sebelumnya pada Duli Yang Maha Mulia Raja di Negeri itu mengikut adat Melayu.

Kedudukan adat Melayu dalam kerangka undang-undang pada hari ini adalah sejajar dengan hubungan akrabnya dengan prinsip kedaulatan Negara. Berdasarkan frasa 'kedaulatan di setiap Negeri Melayu hendaklah kekal seperti sebelumnya pada Duli Yang Maha Mulia Raja di Negeri itu mengikut adat Melayu', maka adat Melayu adalah prinsip paling sahih untuk mentafsirkan ciri-ciri kedaulatan Negara. Justeru, prinsip adat Melayu mendasari penggubalan perlembagaan-perlembagaan bertulis moden bukan sahaja di peringkat Negeri bahkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Dalam konteks yang sama, adat Melayu mendasari prinsip Raja Berperlembagaan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan di Negeri-negeri. Perlembagaan negeri umumnya digelar Undang-Undang Tubuh Kerajaan atau Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan.

Tiada siapa dapat menafikan bahawa kenegaraan Malaysia berpaksi pada prinsip Raja Berperlembagaan. Justeru, dapat dilihat prinsip Raja Berperlembagaan mempunyai peranan yang besar di dalam kerangka undang-undang Negara, bahkan prinsip itu sudah diamalkan sekian lama di Tanah Melayu. Raja-raja di Tanah Melayu sejak dahulu memerintah berdasarkan prinsip keadilan dan syura bersumberkan ajaran Islam seperti terkandung dalam perlembagaan bertulis di Negeri-negeri Melayu sebelum Hari Merdeka.

Apa yang lebih menarik, prinsip Raja Berperlembagaan terkandung dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Prinsip Raja Berperlembagaan yang dinyatakan ciri-cirinya melalui dokumen perundangan sebelum 1 Februari 1948, dilestarikan dalam pelbagai peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan sehingga hari ini. Lantaran itu, prinsip Raja Berperlembagaan membatasi amalan demokrasi dalam kerangka undang-undang Negara. Hal ini kerana prinsip Raja Berperlembagaan mendasari prinsip kuasa eksekutif Persekutuan di bawah Perkara 39 dan mengikat ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli badan kehakiman melalui sumpah berjawatan mereka masing-masing



KEDAULATAN DAN ADAT MELAYU

Kedaulatan dan adat Melayu adalah dua perkara utama dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, bagi kebanyakan orang termasuklah para sarjana undang-undang dan sejarawan, kedaulatan dan adat Melayu dilihat secara berasingan seolah-olah adat Melayu tiada tempat dalam jurisprudens atau falsafah undang-undang Negara. Bahkan, ciri-ciri sebenar kedaulatan Malaysia amat jarang diberi penekanan khususnya apabila membicarakan prinsip perlembagaan. Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan (*Constitutional Working Committee Report*) bertarikh 18 November 1946 menyebut bahawa kedaulatan di setiap Negeri Melayu hendaklah kekal seperti sebelumnya pada Duli Yang Maha Mulia Raja di negeri itu mengikut adat Melayu (C.O 537/1530 No. 50823 Part III). Kenyataan itu membuktikan betapa pentingnya adat Melayu dalam pentafsiran ciri-ciri kedaulatan Malaysia. Hal ini kerana kedaulatan mengikut adat Melayu itulah prinsip sebenar yang menginstitusikan perlembagaan di setiap Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Isu kedaulatan Raja-raja Melayu mula hangat diperdebatkan selepas British memperkenalkan *Malayan Union* pada 1 April 1946. *Malayan Union* ditentang oleh orang-orang Melayu kerana kerangkanya berbeza dengan apa yang direpresentasikan oleh Sir Harold MacMichael dan jaminan Newbould kepada Raja-raja Melayu.

Justeru, keputusan dasar dicapai dalam Jawatankuasa Kerja Perlembagaan yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946 untuk memansuhkan *Malayan Union*, seterusnya kedaulatan Raja-raja bagi setiap Kerajaan Negeri dipertegaskan semula seperti sebelum Perang Dunia ke-2. Hal itu dinyatakan oleh Simon (1995: 71) bahawa kepentingan isu kedaulatan bagi Raja-raja Melayu terserlah apabila isu tersebut terkandung dalam cadangan berkaitan kerajaan Negeri. Raja-raja Melayu menuntut Raja England untuk memberi jaminan dan terus memperakui kedaulatan di setiap Negeri Melayu terpasak kukuh pada diri Raja negeri masing-masing mengikut adat Melayu. Syarat-syarat tersebut diulang dalam syor Laporan Jawatankuasa Kerja berkaitan kerajaan Negeri. Prinsip kedaulatan Raja Melayu mengikut adat Melayu penting kerana Perlembagaan Persekutuan diinstitusikan oleh kedaulatan mereka. Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan kedaulatan Raja-raja Melayu mengikut adat Melayu dari sudut sejarah undang-undang Negara. Perbahasan di atas amat mustahak untuk menilai sejauh mana pengaruh adat Melayu dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan pada hari ini. Dapatan di sini dapat menonjolkan kedudukan adat Melayu di sisi undang-undang yang selama ini disoroti dalam ruang yang terlalu sempit dan lebih bersifat warisan kebudayaan. Pada hakikatnya, prinsip adat Melayu perlu dirujuk terlebih dahulu sekiranya ada lompong atau lakuna dalam peruntukan bertulis undang-undang negara, bukannya amalan *Westminster* atau kes-kes mahkamah di negara-negara lain.

KEDAULATAN DALAM PERLEMBAGAAN

Makalah ini menjadikan 'kedaulatan mengikut adat Melayu' sebagai subjek utama. Hal ini adalah mustahak kerana frasa tersebut bukan sahaja disebut dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946, bahkan mendasari kedaulatan dalam Perjanjian Negeri bertarikh 21 Januari 1948 dan Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan. Prinsip kedaulatan Negara kita perlu dihuraikan kerana atas premis tersebut, istilah 'kedaulatan undang-undang' (*rule of law*) akan lebih jelas difahami.

Perjanjian Negeri 1948 mempunyai kedudukan undang-undang tersendiri kerana terma-termannya adalah batu asas bagi penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, kemudiannya dilanjutkan sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perjanjian Negeri menetapkan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu adalah prerogatif,

kuasa dan bidang kuasa yang mereka miliki seperti pada 1 Disember 1941; tarikh sebelum pendudukan Jepun, Perjanjian Harold MacMichael dan penubuhan *Malayan Union*. Seterusnya Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pentafsiran kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-raja Melayu begitu juga prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan sebagaimana yang sedia ada sebelum Hari Merdeka tertakluk pada perlembagaan. Dari sudut epistemologikal, S. K. Awashi (1995) berpendapat bahawa tiada persepakatan universal berhubung takrifan kedaulatan. Secara umum, kedaulatan bermaksud kuasa tertinggi yang mentadbirkan badan politik atau sebuah negara bersifat mutlak dan tidak terkawal dalam ruangnya tersendiri; sebagai kuasa dalaman, kuasa tertinggi itu menghadkan kebebasan peribadi dengan kawalan sosial (undang-undang, atau melindungi kebebasan peribadi terhadap kawalan sosial); menghalang dan menghukum salah laku, melindungi dan menguatkuasakan hak-hak, mengekalkan undang-undang, ketenteraman dan melaksanakan fungsi-fungsi tertentu lain. Menurut S. K. Awashi, John Locke, Jean Jaques Rousseau dan ramai lagi, kuasa berdaulat datang daripada rakyat; rakyat yang mendelegasikan kuasa kepada pihak pentadbir dalam sesebuah negara.

Kedaulatan menurut takrifan L.B. Curzon (2007) adalah konsep politik dan perundangan berkaitan dengan kekuasaan tertinggi dalam sebuah negeri. Kedaulatan merupakan aspek utama yang mencorakkan prinsip perlembagaan. Justeru, prinsip perlembagaan sesebuah negara itu merangkumi sistem politik dan perundangan terbina atas konsep kedaulatan yang dijunjung. Kedaulatan juga ditakrifkan oleh Greenberg, D (2012) sebagai sebuah kerajaan yang melaksanakan *de facto* kawalan pentadbiran ke atas sesebuah negara dan tidak tunduk kepada lain-lain kerajaan dalam hal ehwal negaranya. Kedudukan di atas membolehkan pemilik kedaulatan berfungsi sebagai penguasa agung dan berada pada kedudukan yang bebas dan tidak boleh dikekang kekuasaannya. Dari sudut itu juga, sesebuah negeri didirikan secara sah dan kedaulatan itu boleh dijelmakan dalam mana-mana sistem; sama ada monarki, autokratik mahupun demokrasi. Perkataan kedaulatan dalam bahasa Melayu berasal daripada 'daulat' bererti kekuasaan tertinggi atau istilah khas yang dikaitkan dengan ciri-ciri raja, negeri atau negara. Perkataan dalam bahasa Arab yang menjelaskan konteks kedaulatan adalah '*siyadah*'.

Kedaulatan termasuk dalam sifat '*rububiyah*' bagi Allah SWT. Al-Maududi (1997) menegaskan konsep kedaulatan Tuhan ke atas alam semesta sudah diterima oleh kebanyakan rakyat tetapi al-Quran menuntut mereka untuk mengakui bahawa Allah SWT adalah pemilik kedaulatan sebenar dari sisi moral, sosial, budaya, ekonomi dan politik kehidupan. Menurut al-Maududi lagi, konsep kedaulatan al-Quran adalah mudah. Allah adalah Pencipta alam semesta. Dialah sebenar yang kekal dan maharaja. Kehendak-Nya mengatasi dan Maha Agung di seluruh semesta. Sekalian makhluk adalah milik-Nya, perintah-Nya mesti dilaksanakan dan dipatuhi dalam masyarakat manusia. Dialah pemerintah sebenar dan keredaan-Nya menduduki maqam paling agung sebagai undang-undang. Secara ringkasnya, perbezaan antara kedaulatan menurut pemikiran Barat dengan Islam adalah dari sudut sumbernya. Pemikiran Barat meletakkan kedaulatan pada manusia atau entiti tertentu seperti parlimen dan mensyaratkan pemegang kedaulatan itu mestilah bersifat mutlak, bebas dan merdeka apabila membuat keputusan.

Sebaliknya, pada sisi Islam, kedaulatan mutlak itu hanyalah milik Allah SWT, sementara pemerintah hanyalah berposisi sebagai pemegang amanah, jauh sekali bersifat mutlak. Bebas dan merdeka menurut kaca mata Islam adalah suatu kebebasan untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan ajaran Nabi Muhammad SAW. Umumnya pada sisi ajaran Islam dan Barat, kedaulatan adalah sumber tertinggi berposisi penguasa agung yang memiliki hak mutlak untuk menetapkan sistem politik, undang-undang dan prinsip perundangan. Penguasa Agung boleh mendelegat kuasa penggubalan undang-undang kepada entiti lain tanpa memprejudiskan hak mutlaknya itu. Undang-undang yang digubal dalam ruang lingkup yang ditentukan oleh penguasa agung adalah sah untuk mencorakkan sistem politik dan undang-undang sesebuah kerajaan atau negara. Undang-undang yang digubal oleh badan perundangan berkompeten boleh dikuatkuasakan sejauh mana gubalannya tidak bercanggah dengan ciri-ciri kedaulatan kerajaan atau negara itu.

Sebahagian besar negara-negara di dunia pada hari ini yang mengamalkan sistem demokrasi; perlembagaan mereka menetapkan rakyat adalah sumber kuasa kedaulatan mutlak. Sebaliknya, dalam Perlembagaan Persekutuan, rakyat hanya berkuasa untuk memilih ahli-ahli parlimen di peringkat Persekutuan, tetapi kedaulatan sebenar tanah air adalah dipegang oleh Raja-raja Melayu seperti terpasak dalam

Perkara 181(1). Dalam kata lain, rakyat atau ahli Majlis Parlimen tidak mempunyai kuasa mutlak untuk menggubal undang-undang sesuka hati kerana mereka tertakluk pada prinsip Perlembagaan Persekutuan; yang menjamin kedaulatan watan tanah air bersumberkan ajaran Islam dan bersendikan adat Melayu. Seperti dijelaskan, kedaulatan Malaysia berpaksi pada peruntukan Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Teks asal Perkara 181(1) bahagian XIV di bawah tajuk Menjaga Kedaulatan Raja2 Dll Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berbunyi:

181. (1) Dengan terta'alok kepada syarat2 Perlembagaan ini, maka kedaulatan, keutamaan2, kuasa2, dan kekuasaan Raja2 dan keutamaan2, kuasa2 dan kekuasaan Undang2 dan Orang Besar Negeri Sembilan di- dalam negeri2 atau daerah2 masing-masing sa-bagaimana pada masa yang sudah2 itu hendaklah kekal tidak di-sentuh.

Teks Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan (P.U. (A) 164/2009) berbunyi seperti berikut:

181. Kecualian bagi Kedaulatan, raja-Raja dsb.

(1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidangkuasa raja-raja dan prerogatif, kuasa dan bidangkuasa Pembesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah-wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas.

Manakala, versi bahasa Inggeris pula:

Saving for Rulers' sovereignty, etc.

181. (1) Subject to the provisions of this Constitution, the sovereignty, prerogatives, powers and jurisdiction of the Rulers and the prerogatives, powers and jurisdiction of the Ruling Chiefs of Negeri Sembilan within their respective territories as hitherto had and enjoyed shall remain unaffected.

Huraian lanjut tentang kedaulatan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan bolehlah dirujuk dalam buku '*Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudence, Governan & Prinsip Perlembagaan (2018)*'. Pada hakikatnya, 'kedaulatan di setiap Negeri Melayu hendaklah kekal seperti sebelumnya pada Duli Yang Maha Mulia Raja di Negeri itu mengikut adat Melayu' dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan

1946 menunjukkan prerogatif Raja-Raja Melayu di bawah Perkara 181(1) di atas hendaklah ditafsirkan mengikut prinsip adat Melayu yang berkenaan selagi tidak dihadkan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

ADAT MELAYU

Kepentingan adat Melayu dalam kerangka undang-undang disokong oleh Rais Yatim (2015) yang menyatakan adat dan Melayu saling terkait sehinggakan para penggubal Perlembagaan Persekutuan perlu memasukkan adat di dalamnya sebagai salah satu teras yang mentakrifkan orang Melayu di bawah Perkara 160. Sebelum Hukum Kanun Melaka, adat Melayu masih tercatat dalam bentuk yang tidak tersusun dan kebanyakannya adalah tidak bertulis. Itulah maklumat yang ada buat masa kini walaupun kita ketahui bahawa sebelum Empayar Kesultanan Melayu Melaka sudah pun wujud Empayar Melayu terbilang lagi gemilang seperti Kerajaan Melayu Langkasuka, Kerajaan Melayu-Srivijaya dan Kerajaan Melayu Champa. Tafsiran kedaulatan Raja-raja Melayu pada sisi Perlembagaan Persekutuan akan lebih jelas sekiranya adat Melayu difahami dengan sempurna.

Wikinson (1970: 15) menyatakan adat termasuk hukum alam, konvensyen masyarakat, peraturan-peraturan etika bahkan juga doktrin berasaskan logik akal. Adat adalah tindakan yang betul dalam perkara-perkara kehidupan sehari-hari begitu juga dalam pematuhan kepada undang-undang tempatan. Menurut Jelani (2008), 'adat Melayu' itu berasal-usul daripada masyarakat yang zaman berzaman mendiami Tanah Melayu atau Alam Melayu. Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka adalah dua adat Melayu yang awal dan tiada hubungan dengan adat Datuk Ketemenggongan dari Minangkabau. Beliau menyatakan undang-undang adat Melayu itu merangkumi semua naskhah yang lahir daripada adat budaya hidup masyarakat Melayu di Alam Melayu, termasuk Aceh, Bugis dan lain-lain masyarakat mengamalkan adat Melayu.

Ada pandangan mendakwa bahawa sistem kepercayaan Melayu Tua dipengaruhi oleh Hindu berdasarkan antaranya mitos-mitos yang disebut dalam *Sejarah Melayu*; nama-nama putera Raja Suran, tempat turun Sang Sapurba tiga bersaudara di Bukit Siguntang, unsur lembu putih

sebagai kenderaan, pemilihan warna-warna emas, perak dan suasa apabila perubahan warna pada tanaman berlaku dan juga kemunculan batala daripada muntah lembu (Siti Hawa, 1999). Dakwaan tentang pengaruh Hindu khususnya konsep *deva-raja* dalam politik Kerajaan Melaka Tua itu walau bagaimanapun tidak disokong oleh sumber sejarah Tanah Melayu. Ini kerana terdapat pengakuan Sang Sapurba tiga bersaudara bahawa mereka bukanlah dewa atau daripada jelmaan jin.

Sejarah Melayu (Shellabear 1991: 18) mencatatkan:

Maka sahut seorang dalam tiga itu, "Adapun nama kami dan bangsa kami bukannya daripada bangsa jin atau peri. Bahawa kami ini bangsa manusia: asal kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, nisab kami daripada Raja Nursyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib, dan pancar kami daripada Raja Sulaiman alaihis salam, dan nama kami seorang ini Nila Pahlawan, dan yang seorang ini Kerisyana Pandita, dan yang seorang Nila Utama: dan pedang kami ini Corek Mandang Kini namanya, dan lembing kami ini Lembuara namanya, yang satu ini cap kayu kempa namanya, dan apabila memberi surat pada raja-raja cap inilah dicapkan.

WA'ADAT SANG SAPURBA

Pada hari ini satu dakwaan yang sering dipopularkan adalah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 5 Ogos 1957 terhasil daripada rundingan antara kaum dan atestasi kedaulatan rakyat. Ramai yang sama ada secara sengaja mahupun tanpa sedari mengabaikan satu fakta penting bahawa Persekutuan Tanah Melayu sudah terbentuk melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang melibatkan sembilan buah Kerajaan Melayu dan dua buah Negeri Selat; Melaka dan Pulau Pinang. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu diasaskan oleh terma-terma Perjanjian Negeri 1948, sehinggalah akhirnya diinstitusikan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, dan diikuti dengan Perjanjian Malaysia 1963. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menandakan berakhirnya campur tangan British dalam hal ehwal politik Tanah Melayu.

Raja-Raja Melayu dan rakyat mereka berkerajaan sendiri meneruskan prinsip pemerintahan secara muafakat atau '*Rulers in council*' yang diwarisi sejak turun temurun. Penginstitusian Persekutuan Tanah Melayu pada hakikatnya diabsahkan oleh kedaulatan Raja-raja Melayu. Penyataan

KENEGARAAN MALAYSIA

SEJARAH, KEDAULATAN DAN KEBANGSAAN

Kenegaraan adalah keterangan tentang kedaulatan dan kebangsaan sesebuah negara merangkumi aspek-aspek kewilayahan, kerakyatan, sistem politik dan sistem undang-undangnya berlatarkan sejarah dan undang-undang tertinggi. Buku ini amat istimewa kerana menghuraikan kenegaraan Malaysia menurut kerangka watan. Kerangka watan adalah bingkai pemikiran berasaskan pada kearifan lokal yang membina sistem politik dan sistem undang-undang berakar umbi pada sejarah dan latar belakang sebenar tanah air. Buku ini mengupas aspek-aspek yang selama ini diabaikan oleh pengkaji-pengkaji lepas apabila membicarakan kenegaraan Malaysia. Kekuatan buku ini terletak pada huraian berdasarkan jurisprudens merangkumi aspek politik dan sosiobudaya sebelum dan selepas Hari Malaysia. Matlamatnya adalah untuk membentangkan justifikasi pembinaan jati diri bangsa Malaysia seperti digagaskan dalam buku ini demi perpaduan Nasional.



UniMAP

Penerbit UniMAP • UniMAP Press

<https://penerbit.unimap.edu.my>
e-mel: penerbitan@unimap.edu.my

**UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS**



ISBN 978-967-0922-87-4
03000



9 789670 922874